

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Dewasa ini, ibu bapa semakin cakna mengenai nama yang akan diberikan kepada anak. Ia satu petanda baik yang menunjukkan bahawa ibu bapa sangat mempertingkatkan nama anak mereka.

Perkara yang perlu difahami oleh semua ialah pemberian nama kepada si anak adalah satu tanggungjawab. Apabila disebut tanggungjawab, ia tidak boleh dilakukan secara sambil lewa.

Seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW dan bertanya mengenai hak anaknya yang perlu ditunai-kan olehnya.

Rasulullah SAW bersabda: "Engkau memberikan nama yang baik dan mengambil berat pendidikannya. Kemudian engkau tempatkannya di tempat yang baik. Perbaikilah namamu kerana dengan nama itu kamu akan dipanggil pada hari kiamat nanti." (Riwayat Abu Dawud)

Baginda ada memberikan garis panduan dalam aspek ini antaranya dengan memberi nama kepada anak pada hari ketujuh.

Ia termasuk dalam sunah Rasulullah SAW. Malah, ada hikmah yang boleh kita fahami daripada pemilihan hari ketujuh, antaranya ialah untuk memberi tempoh yang cukup bagi memastikan bayi terbabit betul-betul sihat dan hidup seperti insan lain.

Rasulullah SAW bersabda: "Setiap anak kecil tergantung dengan akikahnya yang disembelih baginya pada usia tujuh hari dan dia pun dicukur serta diberikan nama." (Riwayat at-Tirmidzi, Abu Dawud, an-Nasa'i dan lain-lain)

Apabila bercakap mengenai pemberian nama kepada si anak, antara yang penting ialah memberikan nama yang membawa maksud baik. Perkara ini perlu di-

Nama baik, makna elok

■ Rasulullah beri garis panduan dalam menamakan bayi baru lahir



NAMA yang baik dapat menyuntik pembinaan potensi diri anak.

ambil perhatian dan diutamakan.

Sesetengah orang mendahulukan sisi 'enak didengar' daripada 'makna baik' yang sepatutnya diutamakan. Jadi, akan timbulah seribu satu sebutan dan gabungan perkataan yang kadangkala mencelarukan.

Dalam kitab Tarbiyah al-Awlad, Abdullah Nasih Ulwan ada memberikan be-

berapa panduan dalam memberikan nama baik kepada anak, antaranya ialah tidak dibenarkan memberi nama yang secara langsung merujuk kepada Allah SWT seperti Khaliq (Pencipta).

Namun, dianjurkan untuk memberi nama yang

merujuk kepada hamba Allah seperti Abdul-lah, Abdul Rahman dan Abdul Rahim.

Hal ini bersandarkan hadis berikut: "Sesungguhnya nama-nama kamu yang paling disukai oleh Allah ialah Abdullah dan Abdul Rahman." (Riwayat Muslim)

FAKTA
Ibu bapa tidak dibenarkan memberi nama yang secara langsung merujuk kepada Allah SWT seperti Khaliq

Ibu bapa perlu mengelakkan daripada memberi nama anak yang membawa makna negatif.

Nama yang dipanggil itu juga dilihat sebagai satu doa dan dikhawatir memberi kesan negatif kepada empunya diri.

Mereka yang mengutamakan nama dalam sebutan Arab, awasilah maknanya kerana ada juga yang membawa maksud tidak baik.

Nama yang diberikan janganlah terlalu panjang rana ia bukan saja membebani si anak untuk membawa nama itu, tetapi menyukarkan pihak berurusan dengan anak nanti.

Dari segi ejaan pula, ialah daripada meletak ejaan sangat rumit hanya-rana ingin kelihatan unik adai mirip kebaratan.

Nama yang panjang terlalu rumit disebut sebagai menyebabkan timbulnya masalah singkat atau gejala untuk si anak. Ini adalah salah satu trend terkini khusus dalam kalangan anak-rekita.

Apa gunanya nama kita berikan itu mempunyai makna yang baik tetapi hirinya yang menjadi pusing kepada si anak adakah nama lain yang disingkat atau diberikan oleh mereka.

Nama singkatan se- 'Mamat' contohnya, kali kita dengar sebagai nama timangan atau singkatan, sedangkan perkataan 'Mamat' dalam bahasa bermaksud mati.

Berilah nama yang dan mulia. Kemudian penggilaan dengan nama beza-naan. Usah meraih mandai memberi katan dan gelaran mengaibkan.

Allah SWT berfirman tara lain bermaksud: "Denganlan pula kamu penggil-memanggil antara dengan yang lain dengan laran yang buruk." (Surah al-Hujurat, ayat 11)

Penulis ialah pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin